

Perhimpunan Agung Umno: Umno Sabah Beri 'A' Pada Kepimpinan Najib
mStar Online
Disember 1, 2011

KUALA LUMPUR: Umno Sabah memberikan gred "A" di atas kecemerlangan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam aspek gaya kepimpinan, pengurusan ekonomi, kerja berpasukan dan ujian politik.

Wakil Sabah, Datuk Seri Mohd Salleh Tun Said berkata, gred cemerlang itu diberikan ke atas gaya kepimpinan Najib yang sentiasa menjiwai dan mendampingi rakyat.

Beliau berkata, gred A juga diberikan bagi aspek pengurusan ekonomi negara yang telah dapat dirasai rakyat secara langsung sepertimana dibuktikan dalam Belanjawan 2012 yang dibentangkan Najib selaku Menteri Kewangan pada Oktober lepas.

"Kerja berpasukan, A lagi, dengan veteran dilibatkan, pencen dilibatkan, Pemuda, Wanita serta calon tidak terpilih dilibatkan. Ujian politik juga A kerana kita menang tujuh daripada lapan pilihan raya kecil, masalah dalaman parti komponen juga dibereskan," katanya ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden Umno pada Perhimpunan Agung Umno 2011 di sini, Khamis.

Mohd Salleh yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah berkata, Umno Sabah memberikan gred F ke atas kriteria menabur janji kosong kerana Najib sentiasa menunaikan janjinya kepada rakyat terutamanya kepada penduduk negeri Sabah.

Katanya, populariti Najib yang semakin meningkat di kalangan rakyat khususnya golongan muda menjadikan Najib 'Perdana Menteri Pilihan' yang mampu memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13).

"Daripada satu kajian, saya lihat Datuk Seri (Najib) semakin popular, kalau saya tanya rakyat siapa mereka nak jadi Perdana Menteri, mesti kata Najib. Datuk Seri popular, parti kita akan popular.

"Politik ini seperti set makan malam. Juadah pembuka selera kurang elok kita boleh ketepikan, yang penting hidangan utama, iaitu Datuk Seri yang utama, kita punyai seorang 'Winnable Prime Minister' yang boleh dapatkan kemenangan untuk kita," katanya.

Mohd Salleh berkata itu berbeza dengan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sentiasa menabur janji kosong kepada penduduk Sabah dan sanggup memperjudikan nasib penduduk negeri itu demi kepentingan diri serta keluarganya.

"Itu bukan parti PKR (Parti Keadilan Rakyat) sebenarnya, itu parti PAI, Parti Anwar Ibrahim. Pembangkang ini bagai udang, bagaimanapun kedudukan, badannya tetap bengkok,"katanya dengan disambut tepukan gemuruh para perwakilan.

Mohd Salleh berkata, pembangkang menggunakan pengaruh emosi serta tipu daya dalam perjuangan mereka dan Umno perlu mengelak supaya tidak terperangkap dengan permainan mereka ini.

"Umno perlu tenang dan tidak cepat melatah bagi menghadapi serangan pembangkang dalam mencapai matlamat kemenangan pada pilihan raya umum ke-13," katanya.

Beliau memberikan perumpamaan permainan badminton di mana ketika PRU-13 semakin dekat sekarang, BN tidak perlu melakukan pukulan 'smash' tetapi perlu melakukan 'servis' dengan baik.

Tambah beliau, Sabah akan tetap menjadi deposit tetap untuk kemenangan BN pada PRU-13, malah Umno Sabah mahu negeri itu menjadi 'insurans pihak pertama" dalam memastikan kemenangan tersebut.

"Kami datang dengan 600 perwakilan dan lebih 2,000 pemerhati. Kami bukan lagi kasih cinta, kami ghairah dengan parti ini dan kami mahu pastikan kemenangan milik parti kita pada PRU-13.

"Kami berterima kasih atas peruntukan diberikan untuk negeri Sabah. Permintaan kami kalau boleh pelaksanaan projek dikuatkan, salurkan peruntukan di mana boleh. Kita mahu rasakan nikmatnya di bawah, kita mahu nikmat ini dirasai setiap anak Sabah," katanya lagi.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/12/1/mstar_berita/20111201183256&sec=mstar_berita